

Syor guna diplomasi dapat hak Batu Puteh

BH 21/6/08 M/S 16

KUALA LUMPUR: Usaha Sultan Johor, Sultan Iskandar untuk mendapatkan semula ke-aulatan Batu Puteh daripada Singapura dianggap tokoh politik dan undang-undang tidak mustahil dan boleh berlaku pada masa depan.

Ia berdasarkan hubungan sejarah antara negeri itu dan Singapura yang akan memungkinkan Johor menggunakan saluran diplomatik untuk mengadakan rundingan berdasarkan situasi yang menguntungkan kedua-dua pihak.

Pakar Undang-Undang dan Perlembagaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Prof Dr Abdul Aziz Bari, berkata ada keistimewaan tertentu pada Raja-Raja Melayu yang tidak boleh dinafikan mampu memainkan peranan besar dalam hal ini.

"Dari segi sejarah, Batu Puteh jelas milik Johor bahkan Singapura juga pernah menjadi sebahagian daripada negeri itu. Mungkin ada sesuatu yang difikirkan Sultan yang boleh digunakan untuk mengembalikannya kepada Johor.

"Jangan lupa Singapura juga bukan keluar dari Malaysia tetapi dikeluarkan dari negara ini. Oleh itu ia tidak mustahil, tetapi bila dan bagaimana ia boleh berlaku kita tidak tahu.

"Saya percaya ruang untuk rundingan tetap ada kerana ada banyak perkara yang boleh dijadikan bahan rundingan berdasarkan situasi menang-menang," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Bagaimanapun beliau berkata, dari sudut undang-undang keputusan muktamad Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) sudah tidak boleh dicabar.

Penganalisis politik, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya Dr Muhammad Agus Yusof, berkata tiada cara lain jika mahu mengembalikannya kepada negara ini melainkan melalui rundingan.

"Saya tidak nampak cara lain ada untuk menangani situasi ini' melainkan Singapura sendiri sudi berunding dan mengembalikannya kepada kita berdasarkan keputusan menang-menang," katanya.